

Pengurusan masa yang baik, kunci utama kejayaan

UB 29.03.2022 P.08



GRACE

KOTA KINABALU: Pengurusan masa yang baik menjadi faktor utama Grace Pang Li Xin muncul sebagai penerima Anugerah Emas Naib Canselor pada istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-22.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Kewangan Antarabangsa itu berkata, perkara itu amat dititikberatkan beliau sepanjang menuntut di UMS.

“Seorang pelajar harus bijak mengurus masa dengan baik dan sentiasa melakukan ulang kaji pelajaran secara sistematis.

“Jangan mengamalkan

sikap yang suka bertangguh-tangguh terutamanya dalam menyiapkan segala tugas yang diberikan pensyarah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa Sidang 2, Majlis Konvokesyen UMS ke-22, di sini, kelmarin.

Menurut Grace, beliau sentiasa berusaha menyiapkan tugas lebih awal agar mempunyai lebih banyak masa melakukan ulang kaji pelajaran.

“Kejayaan ini juga hasil daripada sokongan dan dorongan ibu bapa, keluarga serta rakan-rakan.

“Sepanjang pengajian, ibu bapa sering memberi

kata-kata suntikan semangat melalui panggilan telefon.

“Manakala, rakan-rakan pula sentiasa membantu menyelesaikan masalah pembelajaran yang tidak mampu saya selesaikan sendirian,” katanya.

Ketika ditanya mengenai perancangan pada masa hadapan, Grace memaklumkan beliau ingin menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Pelaburan Antarabangsa.

“Dengan mencapai sarjana dalam bidang tersebut, saya berharap mampu mencapai cita-cita berkerja dalam bidang pelaburan pada masa akan datang,” katanya.